

03 APR 1996

Mohamed-UMNO

HINDARI BUDAYA UNDI TAK PERCAYA, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Penolakan pemimpin melalui undi tidak percaya tidak harus menular dalam UMNO, kata Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

"Kita tidak mahu undi tidak percaya menjadi budaya dalam UMNO," katanya kepada pemberita di Angkasapuri ketika mengulas tindakan UMNO Bahagian Rantau Panjang meluluskan undi tidak percaya terhadap ketuanya.

Bahagian di Kelantan itu membuat keputusan berkenaan pada mesyuarat tergepar 17 Mac lepas setelah mendakwa ketuanya Mohd Zain Ismail membantu seorang calon bebas pada pilihan raya umum tahun lepas.

Sambil menyatakan UMNO memandang berat perkara itu, Mohamed berkata anggota Majlis Tertinggi (MT) Datuk Mustapa Mohamed, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan telah diminta menyasat kejadian itu. Isu berkenaan dijangka dibincangkan pada mesyuarat MT Sabtu ini.

"Kita telah minta Datuk Mustapa mendapatkan segala maklumat supaya punca sebenar dapat diperolehi dan dengan itu akan memudahkan Majlis Tertinggi membuat keputusan," katanya.

Katanya, tindakan mengadakan undi tidak percaya adalah amalan yang tidak baik kerana anggota UMNO seharusnya berpegang kepada keputusan yang dibuat semasa pemilihan bahagian.

"Kalau kita dah pilih seseorang secara demokrasi, kita mesti beri peluang kepada orang itu menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya selama ia diberi mandat," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengulas perkara itu pada 19 Mac lepas, berkata beliau tidak bersetuju dengan tindakan UMNO Bahagian menolak pemimpin mereka secara undi tidak percaya.

Ketika ditanya sama ada MT akan membincangkan tindakan 22 anggota dewan undangan negeri Kedah yang tidak mengikut saluran apabila menyatakan pendirian mereka berhubung isu Menteri Besar Kedah, Mohamed berkata:

"Saya fikir masalah di Kedah dah selesai kerana semua pihak sudah berjumpa Perdana Menteri dan meminta maaf," katanya.

Katanya, mesyuarat MT itu akan membincangkan persiapan sambutan ulang tahun ke-50 UMNO bermula bulan depan.

Mohamed juga mengingatkan orang ramai terutama peniaga supaya bewaspada terhadap pihak

yang tidak bertanggungjawab yang cuba memungut derma kononnya untuk perayaan ulang tahun UMNO itu.

"Ibu pejabat UMNO dan Majlis Tertinggi tidak pernah memberi persetujuan kepada mana-mana pihak untuk mengutip bagi tujuan perayaan ulang tahun UMNO," katanya.

-- BERNAMA

AZZ NMO